

24/04/1997

Myanmar tetap anggota Asean

KUALA LUMPUR, Rabu - Malaysia dan anggota Asean lain akan bekerja lebih gigih bagi memastikan Myanmar yang menghadapi sekatan ekonomi Amerika Syarikat, tetap menjadi anggota pertubuhan itu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan langkah Amerika Syarikat itu tidak menjejaskan proses kemasukan Myanmar ke dalam Asean.

"Kita akan bekerja lebih keras untuk memastikan Myanmar tetap menyertai Asean," katanya selepas menghadiri jamuan tengah hari bersama anggota Kumpulan Kerajaan-Industri Malaysia Bagi Teknologi Tinggi (Might) di Carcosa Seri Negara di sini, hari ini.

Baru-baru ini Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton, meluluskan sekatan ekonomi terhadap Myanmar kerana menganggap pemerintah tentera negara itu melanggar hak asasi manusia.

Ketika mengumumkan keputusan itu, Clinton dilaporkan berkata pemerintahan junta tentera Myanmar semakin "meningkatkan penindasan sejak akhir-akhir ini."

Jabatan Negara Amerika Syarikat dijadual mengumumkan sekatan itu tidak lama lagi yang dijangka membabitkan pengharaman pelaburan Amerika Syarikat di negara itu.

Dalam Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Asean di Jakarta Disember lalu, tujuh ketua negara anggota pertubuhan itu memutuskan Myanmar akan menyertai Asean secara serentak bersama Laos dan Kemboja di Kuala Lumpur, tahun ini.

Menteri Luar Asean mengadakan mesyuarat tidak rasmi di Kuala Lumpur pada 31 Mei ini berhubung tarikh kemasukan tiga negara itu sebelum dikemukakan kepada ketua negara masing-masing.

Media hari ini turut memetik jurucakap Kerajaan Myanmar sebagai berkata, langkah Amerika Syarikat menggunakan ancaman sekatan senjata terhadap negara itu ibarat senjata yang bermatlamat menghancurkan hak asasi rakyatnya.

Mengenai kemungkinan Asean akan menghantar bantahan kepada Amerika Syarikat bagi membantah tindakan itu, Dr Mahathir berkata perkara itu akan dibincangkan di kalangan negara Asean.

(END)